

# Malaysia melebihi sasaran potensi nilai perdagangan

**RM70b pelaburan melalui 131 MoU bagi 26 program mingguan**

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahrzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Malaysia melebihi sasaran potensi nilai perdagangan, pelaburan dan *business leads* (petunjuk peluang perniagaan) berjumlah RM70 bilion bagi 26 program mingguan di Ekspo 2020 Dubai, kata Datuk Seri

Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, ia diperolehi melalui 131 Memorandum Persefahaman (MoU) atau Perjanjian Perkongsian dan pertanyaan perniagaan membabitkan 4,558 mesyuarat, termasuk potensi padanan perniagaan.

"Sukacita juga saya umumkan satu lagi pencapaian membanggakan Pavilion

Malaysia sejak bermulanya penganjuran Ekspo 2020 Dubai sehingga semalam, Pavilion Malaysia menerima 1.1 juta pengunjung. Syabas diucapkan.

"Untuk makluman, sebelum penyertaan di ekspo, Malaysia menetapkan sasaran untuk mencapai antara RM8 bilion hingga

RM10 bilion bagi potensi peluang perdagangan dan pelaburan sepanjang enam bulan ini berasaskan pencapaian Malaysia di Ekspo Astana, Kazakhstan pada 2017," katanya dalam ucapan pada Majlis Apresiasi Ekspo 2020 Dubai, semalam.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, sebanyak 452 syarikat dari Malaysia turut hadir untuk menyertai program perdagangan dan perniagaan, yang menentang lebih daripada 10 industri, termasuk kesihatan, pendidikan, industri halal dan pelancongan.


Turut mendapat manfaat daripada penyertaan Malaysia ke Ekspo 2020 Dubai adalah Perusahaan Mikro Kecil Sederhana (PMKS), yang kini mendapat peluang di peringkat antarabangsa.

Ismail Sabri berkata, ia peluang bagi usahawan terbabit mengembangkan perniagaan dan meneroka peluang baharu di luar negara.

Beliau berkata, kos yuran penyertaan semua PMKS itu ditanggung oleh kerajaan dan mereka hanya perlu membayar kos penginapan serta tiket kapal terbang, sekali gus membuktikan komitmen kerajaan untuk membantu, menyokong dan memperkasakan sektor terbabit.

"Saya mahu lebih banyak PMKS dapat melebarkan sayap ke peringkat antarabangsa yang boleh membantu mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, seterusnya meningkatkan taraf hidup Keluarga Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau semalam turut menyaksikan majlis pemeteraian lima MoU; dua



Ismail Sabri mengadakan pertemuan dengan Sheikh Tamim Hamad Al Thani sempena lawatan rasmi tiga hari ke Qatar di Amiri Diwan, kelmarin. (Foto BERNAMA)

Memorandum Eksplorasi Perniagaan (MOBE) dan satu Surat Niat (LOI) antara syarikat Malaysia dan rakan perniagaan asing.

Selain itu, beliau berkata, penyertaan Malaysia ke Ekspo 2020 Dubai juga menyaksikan ketetapan Aerodyne Group untuk menjadikan Pavilion Malaysia sebagai ibu pejabat kedua global dengan semua kos operasi akan diuruskan oleh Aerodyne Group.

"Malaysia juga bersedia untuk menyertai Ekspo Dunia yang akan diadakan di Osaka pada 2025. Ini membuktikan prinsip Malaysia yang berpegang kepada dasar neutral dan mengekalkan hubungan aman dengan semua negara dalam meningkatkan lagi hubungan dengan negara lain di rantau ini," katanya.

Sebelum ini Perdana Menteri menghadiri lawatan rasmi tiga hari ke Qatar yang terbukti membuah hasil untuk negara me-

nerusi peningkatan pelaburan, pengukuhan hubungan perdagangan dua hala serta potensi kerjasama dalam pelbagai sektor seperti industri halal, perbankan Islam dan tenaga boleh diperbaharui.

Ismail Sabri yang tiba di Doha pada Sabtu mengadakan pertemuan dengan Amir Qatar Sheikh Tamim Hamad Al Thani sejurus majlis sambutan rasmi di Amiri Diwan.

Dalam pertemuan dengan Sheikh Tamim, Perdana Menteri berkata Malaysia turut mengemukakan beberapa cadangan penerokaan peluang pelaburan di Qatar kepada syarikat Malaysia.

Pada sidang media bersama media Malaysia pada akhir lawatan rasmi semalam, Perdana Menteri berkata sehingga kini, nilai pelaburan Qatar di Malaysia melebihi RM13.49 bilion (AS\$3.2 bilion).

## Ibadat & Fadilat

Abu Hurairah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Ajarkanlah salasilah keturunanmu yang dapat menghubungkan tali persaudaraan, kerana sesungguhnya menyambung tali persaudaraan (akan melahirkan) kecintaan dalam keluarga, dapat menyebabkan banyak rezeki dan dipanjangkan umur." (HR Tirmizi)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:10	1:25	4:29	7:30	8:39
Alor Setar	6:09	1:25	4:29	7:29	8:38
P. Pinang	6:10	1:25	4:27	7:29	8:38
Ipoh	6:08	1:23	4:23	7:27	8:36
Kuala Lumpur	6:06	1:20	4:22	7:24	8:33
Shah Alam	6:06	1:20	4:22	7:24	8:33
Johor Bahru	5:58	1:12	4:15	7:14	8:23
Kuantan	6:00	1:15	4:16	7:18	8:27
Seremban	6:05	1:19	4:21	7:22	8:31
Bandar Melaka	6:04	1:18	4:21	7:21	8:30
Kota Bharu	6:02	1:18	4:21	7:22	8:27
K. Terengganu	5:59	1:14	4:16	7:18	8:27
Kota Kinabalu	5:08	12:24	3:26	6:27	7:37
Kuching	5:33	12:47	3:50	6:50	7:58